

22 MAY 2001
Zainol-Akur
ZAINOL AKUR DENGAN KEPUTUSAN MT

ALOR SETAR, 22 Mei (Bernama) -- Anggota Exco Kerajaan Negeri Kedah Datuk Zainol Md Isa hari ini berkata beliau akur dengan keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno yang memperakui keputusan Lembaga Disiplin yang mendapati beliau bersalah terbabit dengan politik wang.

"Sebagai anggota Umno saya terimalah keputusan itu dan turut menyokong langkah Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membanteras politik wang di kalangan anggota parti," kata beliau di ibu negara ketika dihubungi dari sini.

Bagaimanapun, katanya, beliau akan membuat rayuan kepada Lembaga Disiplin Umno bagi membersihkan namanya.

Mengenai kedudukannya sebagai anggota Exco Kerajaan Negeri, Zainol berkata beliau akan berbincang terlebih dahulu dengan pucuk pimpinan Umno dan dengan Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain sebelum membuat sebarang keputusan.

"Esok, saya juga akan menghadiri mesyuarat Exco kerajaan negeri," kata Zainol, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian Dan Pembangunan Luar Bandar Negeri.

Mengenai kedudukannya sebagai Anggota Dewan Undangan Negeri Kedah kawasan Bayu, Zainol berkata beliau tidak nampak kewajaran untuk melepaskan jawatan yang dimenangnya dalam pilihan raya umum lepas itu.

Semalam, MT memperakui keputusan Lembaga Disiplin yang diumumkan pada 5 Mei lepas yang mendapati enam pemimpin termasuk Zainol bersalah terbabit dalam politik wang semasa pemilihan parti itu baru-baru ini.

Berikutan keputusan itu, Zainol dilucutkan daripada jawatan Ketua Umno bahagian Baling yang dimenangnya setelah menewaskan penyandang Datuk Raja Ariffin Raja Sulaiman dengan majoriti 107 undi.

Zainol juga dilarang bertanding, dipilih atau dilantik memegang apa-apa jawatan dalam parti selama enam tahun.

"Saya meminta semua penyokong saya bertenang dan terima keputusan MT itu," katanya.

MT juga membuat keputusan kekosongan kerusi ketua Umno bahagian akan diisi oleh calon yang kalah, bermakna Raja Ariffin akan menggantikan Zainol sebagai Ketua bahagian Baling.

Zainol juga meminta para penyokongnya turut akur dengan keputusan MT yang membabitkan perubahan pucuk pimpinan Umno bahagian Baling dan meminta mereka memberi kerjasama kepada Raja Ariffin.

Bagaimanapun Zainol masih tetap berpendirian kes yang melibatkannya tidak berkaitan dengan unsur-unsur politik wang kerana ia membabitkan pergerakan belia yang dipimpnnya selaku Pengerusi Belia 4B Bahagian Baling dan Kedah.

Sementara itu, Syed Razak dan Raja Ariffin tidak dapat dihubungi untuk ulasan. Raja Ariffin kini berada di luar negeri.

-- BERNAMA
MNH JM NMO